



Ruj Kami: PLN/Peng/Jld 2/( 02 )  
Tarikh : 5 Februari 2009  
09 Safar 1430

Pengarah Pelajaran,  
Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan,  
Jalan Doktor,  
15000 Kota Bharu.  
( U.P. Ketua Sektor  
Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan )

Tuan,

### **UJIAN SIKAP LENCANA EKSPEDISI PR 2 ( BERKENU 50 KM ) - AKTIVITI KOKURIKULUM**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan, Persatuan Kenu Kelantan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan akan mengadakan aktiviti di atas kepada ahli Pengakap Remaja ( Tingkatan 5 ) sebagaimana berikut:

**Tarikh : 17 21 Februari 2009 ( Selasa - Sabtu )**  
**Tempat : Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan.**  
**Tempat Mula : Dataran TESCO Kota Bharu ( 18 Feb 2009 )**  
**Tempat Tamat : Jambatan Pulau Melaka, Kota Bharu.**

3. Syarat penyertaan:

3.1 Ujian ini terbuka kepada ahli Pengakap Remaja ( PR 2 ) yang telah menyertai Kursus Asas Kenu yang diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Negeri, Panji pada 22 24 Januari 2009 ( seperti dalam lampiran )

3.2 Setiap peserta dikenakan bayaran sebanyak RM 30.00 untuk makan minum. Jika bayaran dengan cek hendaklah atas nama, MAJLIS PENGAKAP NEGERI KELANTAN

3.3 Sila lapor diri di Kem Kijang pada pukul **4.00 petang 17 Februari 2009** untuk persiapan awal.

3.4 Ekspedisi berkenu akan bermula pada pagi Rabu 18 Feb 2009 di Dataran TESCO, Kota Bharu dan majlis penutup akan diadakan di Kompleks Belia dan Sukan, Panji, Kota Bharu pada 21 Feb 2009.

3.5 Sila bawa pakaian seragam, 4 pasang pakaian lasak sesuai untuk berkenu ( baju tangan panjang ), pakaian untuk mandi, solat, peralatan peribadi, dan alat makan minum yang lengkap serta buku catatan ekspedisi.

3.5 Setiap peserta lelaki perlu membawa khemah ( jenis igloo ) untuk penginapan di pusat bermalam pada hari kedua hingga hari ketiga.

3.6 Setiap peserta hendaklah mendapatkan kebenaran ibubapa untuk ekspedisi ini.

3.7 Setiap kumpulan menyediakan guru pengiring untuk menghantar dan membawa balik ahli pengakap

4. Pasukan Latihan Pengakap Negeri Kelantan amat berbesar hati sekiranya tuan dapat memaklumkan kepada sekolah-sekolah tersebut untuk menjayakan program ini.

5. Perhatian dan sokongan daripada pihak tuan menjayakan aktiviti ini sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI BERPENGAKAP.

Saya yang menjalankan tugas,



HAJI RAFIE @ RAFIE BIN MOHAMAD,  
Pengerusi Pasukan Latihan Negeri,  
Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan

s k Pengarah Pelajaran Negeri ( U P Kema Unit Kokurikulum )  
Pemangku Pcsuruhjaya Negeri  
Pengerusi MPNK  
Setiausaha MPNK